Hari: ..... Tarikh: .....

1.3 Set Arahan bagi Aktiviti Harian
1.4 Set Arahan bagi Peralatan Digital

Berdasarkan kepada set arahan di bawah, susun semula baris-baris arahan tersebut bagi menyelesaikan tugasan untuk membayar tiket tempat letak kereta dengan menggunakan mesin pembayaran. SP1.3, 1.4 TP2

No	Set arahan yang tidak mengikut susunan
1.	Memandu kereta dan memasukkan tiket ke dalam mesin pengawal pengadang bagi membolehkan palang pengadang dinaikkan dan keluar dari tempat letak kereta.
2.	Setelah selesai urusan, anda bergerak ke mesin pembayaran tempat letak kereta.
3.	Ambil tiket dan bergerak ke kereta.
4.	Ikut arahan yang dipaparkan.
5.	Beratur di mesin pembayaran tempat letak kereta.
6.	Bayar jumlah wang yang dipaparkan di skrin.
7.	Masukkan tiket pada mesin pembayaran tempat letak kereta.

No	Set arahan yang mengikut susunan
1.	Setelah selesai urusan, anda bergerak ke mesin pembayaran tempat letak kereta
2.	_____
3.	_____
4.	_____
5.	_____
6.	Ambil tiket dan bergerak ke kereta
7.	_____

LIVEWORKSHEETS